

## **PELANCARAN 'PAS FOR ALL' DAN BULETIN 'REN MIN SHI SHI'**

### **1.0. MUQADDIMAH**

Gelombang sokongan Non-Malay/Non-Muslim kepada pembangkang sudah semakin terasa ekoran daripada pendedahan isu-isu yang menunjukkan belang sebenar Barisan Nasional. Gelombang ini harus diurus dengan baik supaya ia menjadi satu ombak besar yang mampu memukul kalah Barisan Nasional pada pilihan raya ke-12 akan datang.

### **2.0. RASIONAL**

Perlu diingatkan bahawa kemarahan rakyat samada Melayu atau bukan Melayu terhadap kepincangan dalam pemerintahan kerajaan Barisan Nasional selama ini masih tidak menunjukkan kesanggupan untuk menukar kerajaan. Mereka masih tidak yakin boleh wujud sebuah kerajaan alternative yang mampu untuk mentadbir negara yang lebih baik daripada kerajaan yang sudah mempunyai 'track' rekod separuh abad. Mereka boleh menerima segala gejala dan risiko memberi mandat kepada kerajaan BN yang diakui korup, kuku besi dan jelas kecacatannya kerana mereka LEBIH TAKUT DAN TIDAK YAKIN kepada kredibiliti kerajaan PAS/BA yang menanti.

Faktor FOBIA PAS/ISLAMOPHOBIA lebih menyulitkan PAS sebagai parti politik dominan Melayu, yang bakal menggantikan parti Melayu UMNO sebagai parti tunjang KERAJAAN. Propaganda sekian lama UMNO/BN sudah berjaya mencorakkan imej negatif PAS di kalangan rakyat sehingga menyebabkan ramai rakyat terutama sekali Non-Muslim melihat PAS sebagai parti hanya untuk orang Melayu dan Muslim ekstremis. Justeru PAS perlu mentransformasikan pemikiran/tanggapan negatif Non-Malay/Non-Muslim sehingga sanggup menerima PAS sebagai parti sandaran yang boleh mereka harapkan untuk menyelesaikan masalah hidup.

Khusus untuk pengundi Non-Malay, PAS perlu membuktikan diri bahawa ia relevan, sesuai dan terbaik untuk semua kaum, bangsa dan agama. Lajnah Perpaduan Nasional telah berjaya memecahkan tembok pemisah yang mengasingkan PAS daripada Non-Malay ini dengan pelbagai program sehingga mencapai kejayaan menubuh Kelab Penyokong PAS. Namun ini baru sebagai pembuka tirai untuk mendapat sokongan bukan Melayu. PAS perlu mara ke depan untuk membuktikan dengan tindakan bahawa PAS memperjuangkan hak semua rakyat merentasi segala kaum, bangsa, budaya dan agama. PAS perlu berani menjelaskan pendirian diri bukan sahaja secara lisan tetapi lebih penting melalui tindakan.

Maka, Lajnah Perpaduan Nasional PAS PUSAT memutuskan untuk melontar satu konsep 'PAS UNTUK SEMUA' dengan di iringi penampilan kebudayaan pelbagai kaum.

### **3.0. OBJEKTIF**

- Menyingkir sikap prejudis non-Malay/Non-Muslim terhadap PAS sebagai hanya memperjuangkan nasib orang Islam sahaja.
- Memasarkan PAS yang serius dan komited menjuarai nasib dan hak semua kaum.

- Mengambil peluang MEMUTIHKAN tarikh 11hb September yang melambangkan keganasan atau terrorisme orang 'Islam' yang menjauhkan non-Malay daripada PAS.
- Melebar capaian maklumat komuniti Tionghua tentang PAS melalui Ren Min Shi Shi on-line melalui seksyen khas di Harakahdaily
- Membukti kemampuan PAS mempergunakan teknologi tinggi dan berwawasan global.

### Aturcara Program

2.30 petang	:	Ketibaan Peserta
3.00 petang	:	Ucapan Pengerusi Majlis
3.05 petang	:	Lagu Negaraku & Lagu PAS
3.10 petang	:	Persembahan Kompang Lion Dance & Mirudengam
3.40 petang	:	Ucapan Pengarah Program
3.50 petang	:	Ucapan Pengerusi LPN PAS PUSAT
4.00 petang	:	Ucapan Perasmian oleh Presiden
4.35 petang	:	Upacara Dwi-perasmian ('PAS For All' dan <i>Ren Min Shi Shi</i> on-line)
5.00 petang	:	Jamuan Ringan/ Bersurai
5.30 petang	:	Sidang Akhbar

### Penutup

Untuk mencapai matlamatnya, PAS mesti terus mara ke depan dengan pelbagai strategi yang berkesan bagi meyakinkan seluruh rakyat tanpa mengira kaum, status social, bangsa dan agama tentang kesanggupannya membela nasib rakyat dan insyaallah mentadbir negara dengan adil dan saksama.

Majoriti rakyat masih tidak mengenali PAS. Di kalangan yang mengetahui tentang wujudnya PAS pula menanggapi PAS sebagai sebuah parti politik yang hanya sesuai untuk orang Melayu/Islam dan tidak boleh diharap untuk diberi mandat sebagai parti tulang belakang kerajaan yang memerintah.

Justeru, PAS perlu **bijak melabur untuk menawan hati dan minda pengundi** bagi menambah keberangkalian mereka mengundi PAS pada PRU 12 insyaAllah. Adalah dijangka dengan pelancaran 'PAS FOR ALL' yang meriah dan mempunyai publisiti yang meluas akan lebih meyakinkan pengundi untuk menyokong PAS.

### PAS UNTUK SEMUA PAS FOR ALL

Disediakan oleh Dr Halimah.